

KEGEMILANGAN WARISAN MELAYU DAN POTENSI TARIKAN PELANCONG: PENGENALAN KARYA TERJEMAHAN HADIS NADIR ABAD KE-19

Amer Hudhaifah bin Hamzah

ABSTRAK

Manuskrip merupakan suatu bentuk tinggalan sejarah yang sangat bermakna bagi sesebuah bangsa. Manuskrip dan karya-karya nadir berpotensi menjadi produk pelancongan yang unggul jika ia benar-benar dimanfaatkan. Termasuk karya nadir yang bernilai ini adalah karya *Hidayat al-Mukhtar* yang tulis oleh Tuan Hasan Besut pada abad ke-19. Meskipun edisi cetakan pertamanya (tahun 1833) mengandungi masalah bahasa dan kesalahan percetakan, namun ia penting kerana telah berjaya menyelamatkan sebuah karya yang dianggap telah hilang (مفقود) milik al-Hafiz al-Mundhiri yang merupakan seorang ulama Hadis yang disegani di Mesir pada abad ke-7 hijri/13 masihi. Selain itu bersesuaian dengan penghormatan sebagai seorang pendidik yang disanjung yang diberikan kepada pengarangnya di Besut pada abad ke-19, ketiga-tiga karya Tuan Hasan Besut dijangkakan mempunyai nilai ilmu pendidikan dan psikologi yang sangat bermakna untuk dibuat kajian lanjutan.

Kata kunci: *Hidayat al-Mukhtar*, produk pelancongan, karya nadir, karya Hadis Alam Melayu, Wan Hasan al-Fatani, ilmu Pendidikan dan Psikologi.

PENDAHULUAN

Menulis atau merekodkan merupakan suatu *wasilah* (metode) untuk mengekalkan sesuatu ilmu/pengetahuan yang umum diketahui pada hari ini. Rekod dan hasil catatan juga dipercayai sebagai bukti konkrit yang menunjukkan sesuatu perkara atau peristiwa itu benar-benar terjadi dan diketahui, setidak-tidaknya bagi orang yang mencatat dan merekodkannya itu. Perkara ini secara umum diakui tidak kira dari bangsa atau mana sekalipun seseorang itu. Namun begitu, kemahiran menulis atau merekodkan ilmu bukanlah suatu yang biasa bagi orang Melayu pada masa dahulu, khususnya sebelum kedatangan Islam pada abad ke-13 masihi. Alatan yang digunakan dalam penulisan juga sukar diperoleh pada waktu itu. (Amer Hudhaifah Hamzah 2017: 322) Justeru setelah agama Islam diperkenalkan, seseorang yang ingin memiliki karya-karya agama atau naskhah al-Qur'an selalunya perlu mengupah orang lain yang mahir menulis agar menyalinnya untuk dirinya. (Wan Ali Wan Mamat 2002: 24)

Sudah menjadi fitrah bahawa sesuatu yang sukar ataupun sedikit akan dianggap bernilai. Umum mengetahui kaedah: “semakin sikit atau sukar sesuatu itu, maka akan lebih tinggi nilainya”. Apatah lagi jika ia mengandungi nilai sejarah dan warisan sesuatu kaum. Hal ini berlaku terhadap mana-mana warisan manuskrip di dunia ini, khususnya di Alam Melayu. Malah sesebuah hasil manuskrip mempunyai nilai seni yang tersendiri berdasarkan usia, corak dan kandungannya. Keadaan ini menyebabkan ia tidak boleh disamakan dengan hasil-hasil seni yang lain dan kesnya unik dan tidak boleh digeneralisasikan. (Dzul Haimi Md. Zain et al. 2007: 14) Sehubungan itu,

kita mendapati harga manuskrip asli pada hari ini boleh mencecah puluhan ribu ringgit (kira-kira 5.000-7.000 GBP). Hal ini boleh dilihat secara lelong di Sotheby atau Christie di London. Dalam kes Manuskrip Melayu pula, telah dilaporkan oleh akhbar *Berita Harian* (11 Julai 2006) bahawa kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan pernah bercadang membawa pulang sebahagian khazanah Manuskrip Melayu yang tersimpan di beberapa universiti di Britain, namun kerana harganya yang terlalu tinggi menyebabkan cadangan terpaksa dibatalkan. (<https://goo.gl/smq7nx>, dipetik pada 14 Oktober 2017)

Seperti yang telah dijelaskan, nilai sesebuah manuskrip atau karya tradisional tidak hanya terletak kepada aspek-aspek tertentu seperti kandungannya yang nadir atau fizikal yang masih utuh walaupun lama, tetapi ia bergantung kepada keseluruhan aspek dan pembolehubah tersebut secara bersepadu. Justeru itu kita mendapati bahawa seorang pengkaji manuskrip tidak akan berasa puas hanya dengan meneliti isi kandungannya yang telah digitalkan semata-mata. Bahkan beliau akan mencuba sedaya mungkin untuk menilik dan memegang sendiri fizikal manuskrip yang sedang dikaji. Begitu juga dalam melakukan transliterasi atau menjalankan kajian Tahqiq terhadap sesebuah manuskrip/karya tradisional, pastinya akan disediakan suatu slot khas untuk digambarkan secara deskriptif berkenaan sifat fizikal dan kondisi manuskrip atau karya tradisional tersebut. Elemen-elemen ini penting bagi menggambarkan kualiti naskhah, keaslian manuskrip/karya tradisional yang dikaji di samping mengekalkan nilai estetikanya. Gambar halaman *doxology* (pertama) dan *colophon* (terakhir) juga selalunya perlu dipaparkan oleh pengkaji untuk tujuan yang sama. (Abd al-Salam Harun 1998: 84; Salah al-Din al-Munajjid 1987: 29-30; Gotthelf Bergstraesser 1982: 125; Siti Hawa 1994: 4; Amer Hudhaifah 2016: 32-33)

Sehubungan di atas, kita melihat seorang pengkaji manuskrip akan sentiasa berjalan ke sana dan ke sini bagi mencari dan meneliti manuskrip. Segala kerenah birokrasi sedia ditanggung dan mungkin juga sejumlah kos yang besar berani dibelanjakan hanya semata-mata untuk mencapai kepuasan dan keabsahan yang tinggi semasa menyediakan laporan kajian. Sering kali juga, kajian yang dijalankan merupakan geran penyelidikan atau ditaja oleh pihak-pihak tertentu yang berkepentingan. Keadaan ini pastinya akan memberikan pulangan yang positif dan signifikan kepada pemilik sumber. Lebih dari itu jika sumber merupakan koleksi nadir, maka ia juga mampu menjadi daya tarikan kepada para pelancong asing dan pengkaji luar negara. Sudah tentu hal ini akan memangkin industri pelancongan dalam negara dan antarabangsa. Justeru itu, Sinar Harian (15 Julai 2013) melaporkan kenyataan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri, yang berkata PNM (Perpustakaan Negara Malaysia) berpotensi menjadi tarikan pelancong dengan koleksi inteleknya yang kedua terbesar di Asia Tenggara selepas Indonesia. (<https://goo.gl/LA9XCk> dipetik pada 14 Oktober 2017)

Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji pada 2017, termasuk karya nadir yang sangat bernilai ini ialah sebuah karya terjemahan Hadis 40 berjudul *هداية المختار* yang tulis oleh Tuan Hasan Besut sebelum pertengahan abad ke-19. Dakwaan ini akan dibuktikan berdasarkan fakta dan data yang akan dinyatakan nanti. Walaupun pernah diperkenalkan oleh sebilangan pengkaji seperti Wan Mohd Shaghir dan lain-lain sebelum ini, namun artikel ini bertujuan memperkenalkannya secara lebih terperinci mengenai karya *Hidayat al-Mukhtar*, selain turut memaparkan sebahagian dari hasil penyelenggaraan dan penelitian teks karya.

RIWAYAT HIDUP PENGARANG

Syeikh Wan Hasan al-Fatani atau lebih umum dikenali sebagai Tuan Hasan Besut merupakan anak kedua kepada Wan Ishak al-Fatani. Keluarga ulama ini yang mencangkupi Wan Ishaq (bapa), Wan Ali (abang) dan Wan Hasan mempunyai talian kekeluargaan dengan keluarga Syeikh Abdul Mubin bin Syeikh Jailani yang terkenal sebagai pengasas Pondok Pauh Bok di Patani. Di pondok bersejarah inilah terdidiknya sebilangan tokoh-tokoh ulama dan pejuang Alam Melayu yang terkenal seperti Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh Abdus Samad al-Falimbani dan Tok Pulau Chondong.

Tidak diketahui tanggal kelahiran Syeikh Wan Hasan, namun Syeikh Wan Ali bin Wan Ishaq dikatakan hampir sebaya dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani yang lahir pada 1153H/1740 dan antara mereka wujud hubungan persahabatan dan keilmuan yang erat. Syeikh Wan Ali yang merupakan penyebar tarekat al-Sammaniyyah semasa hidupnya merupakan sumber rujukan Syeikh Daud al-Fatani dalam hal-hal berkenaan Tasawwuf, khususnya dalam ajaran tarekat tersebut. Walaupun begitu dari aspek ilmu-ilmu yang lain, Syeikh Wan Ali dilihat lebih banyak belajar dari Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani kerana usianya yang lebih tua dan keluasan bidang ilmu yang diceburinya. (Wan Mohd Shaghir 2000: 37-38) Syeikh Hasan bin Wan Ishak pula disifatkan sebagai seangkatan dengan Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas yang merupakan ulama separuh akhir abad ke 18 dan awal abad ke 19. (Ahmad Fathy 2002: 251)

Sewaktu kecil lagi, kedua-dua bersaudara Wan Ali dan Wan Hasan telah memulakan pengajian mereka di Pondok Pauh Bok. Namun tidak dapat dipastikan apakah mereka sempat menimba ilmu dari Syeikh Abdul Rahman bin Abdul Mubin yang terkenal antaranya sebagai guru kepada Syeikh Daud al-Fatani, Tok Pulau Chondong dan Syeikh Abdus Samad al-Falimbani. Apa yang pasti, mereka telah menimba ilmu dari bapa mereka sendiri, Syeikh Wan Ishak al-Fatani yang merupakan antara tenaga pengajar di Pondok Pauh Bok. Kira-kira pada awal abad ke 19, Wan Ali dan Wan Hasan telah pergi ke Mekah bagi melengkapkan syarat keilmuan mereka. Di kota Mekah, mereka berguru dengan ulama-ulama Arab di samping turut menimba ilmu dari sebilangan ulama Melayu yang bergiat di Tanah Haram seperti Syeikh Muhammad Salih bin Abdul Rahman Pauh Bok dan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani sendiri. Sebilangan manuskrip peninggalan Syeikh Wan Ali al-Fatani, antaranya manuskrip كيفية ختم القرآن, telah membuktikan hubungan keilmuan ini di Mekah.

Bermula tahun 1820-an di kota Mekah, Syeikh Wan Hasan telah menghasilkan karya selain bergiat dalam bidang penterjemahan manuskrip Arab. Karya yang menjadi karang pertama Syeikh Wan Hasan al-Fatani adalah sebuah manuskrip mengenai ilmu Firasat, berjudul كتاب الفأل, yang diselesaikan pada bulan Muharam 1240H/September 1824M. Karya ini ditulis dalam sebuah manuskrip bersama-sama naskhah salinan karya sahabat beliau, iaitu Syeikh Abbas Kota Karang, Aceh, yang berjudul سراج الظلام في معرفة السعد والنحس في الشهر والأيام. Manuskrip ini telah disimpan oleh Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur sebelum ia diserahkan untuk disimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dengan nombor pendaftaran MSS 1637.



Rajah 1: (Kanan) Halaman pertama MSS 1637 yang merupakan permulaan karya سراج الظلام, (Tengah) halaman 30 manuskrip yang merupakan permulaan كتاب الفأل oleh Syeikh Wan Hasan, (Kiri) halaman 84 dan terakhir manuskrip.

Menurut Wan Mohd Shaghir, manuskrip ini pernah dicetak oleh Syeikh Ismail bin Abdul Muttalib, Aceh dengan judul تاج الملوك. Ujar beliau juga, antara edisi cetakan dan edisi manuskrip terdapat perbezaan fakta. (Wan Mohd Shaghir 2000: 42-43) Manakala terjemahan yang dilakukan adalah terjemahan karya فضل طلب العلم oleh al-Hafiz^c Abd al-^cAzim al-Munziri (1833) dan terjemahan risalah أيها الولد oleh al-Imam al-Ghazali (1850). Cetakan pertama karya terjemahan أيها الولد ini telah diusahakan oleh Syeikh Abdullah Idris Tikat, Kelantan, di al-Matba^cah al-Miriyyah al-Kayniyyah, Mekah pada 17 Rabi'ul Awal 1311/27 September 1893. Dalam masa yang sama, Syeikh Wan Hasan turut mengajar di Mekah dan keilmuannya tidak hanya diiktiraf oleh ulama-ulama dari tanah airnya, malah turut diiktiraf dalam kalangan ulama Indonesia. Syeikh Muhammad Zainuddin Aceh adalah sahabat seperguruannya di Mekah dan Syeikh Nawawi Banten pula merupakan antara pelajarnya yang berasal dari Indonesia.

Setelah kira-kira setengah abad di Mekah, Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishak pulang ke tanah air meninggalkan saudara kandungnya, Wan Ali yang bercadang menetap di Mekah. Kerana bercadang menghabiskan sisa-sisa hidupnya di kota suci tersebut, Syeikh Wan Ali bin Wan Ishak membeli rumah dan mula membina keluarga di sana dengan mengahwinkan dua anak perempuannya dengan dua tokoh ilmunan Melayu, iaitu Syeikh Nik Mat Kecil al-Fatani dan Syeikh Nik Muhammad bin Tuan Abdullah Kerisik (juga dikenali dengan gelaran Syeikh Nik Mat Besar). Tatkala sampai di Patani kira-kira pada 1950, Syeikh Wan Hasan mendapati Patani dan Kedah sedang menghadapi 'zaman payah' akibat kalah dalam beberapa siri pemberontakan 1831-1840 melawan kerajaan Siam Senggora. Ramai rakyat Patani melarikan diri akibat benci kerana terpaksa duduk dibawah pemerintahan Raja Siam ketika itu. Pada tahun 1842 pula, Kelantan menghadapi pergolakan akibat perang saudara yang berlarutan beberapa tahun. Kekalutan politik di utara semenanjung ini menyebabkan Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq berpindah ke daerah Besut, Terengganu. (Ibrahim Syukri 2005: 82-90; Wan Mohd Shaghir 2000: 39-40; Ahmad Fathy 2002: 251; Mohd Ekhar Daud & Farid Mat Zain 2017: 105)

Di Besut, beliau sangat dihormati dan kedatangan beliau disambut baik oleh Tengku Abdul Kadir ibni Sultan Mansur I yang merupakan Raja Besut di bawah kekuasaan Sultan Terengganu ketika itu. Sebagai menghargai kedudukan beliau, Istana telah melantik beliau sebagai penasihat Raja Besut dan masyarakat pula menganggap beliau sebagai ‘guru pertama’ mereka. (Ahmad Fathy 2002: 251; Muhammad Abu Bakar 1991: 63-64) Hal ini menyebabkan gelaran beliau sebagai Tuan Hasan Besut terkenal sehingga ke pulau Sumatera dan institusi pondok yang dibinanya di Kampung Palembang (dalam Kampung Raja) mendapat tarikan paling ramai masyarakat berbanding institusi-institusi pondok yang lain. Di samping menjadi penasihat Sultan dan mengajar ilmu di pondok persendirian, beliau juga dilantik sebagai imam di Masjid Raja, Besut.

Wan Mohd Shaghir meriwayatkan dari tok-tok guru Patani bahawa Tuan Hasan Besut bin Wan Ishaq sangat mahir akan ilmu kebatinan di samping merupakan seorang pengamal perubatan tradisional yang pintar. (Wan Mohd Shaghir 2000: 40-41) Dikatakan bahawa walaupun beliau mendapat penghormatan tinggi dari pihak Istana dan masyarakat, namun Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq tidak pernah meninggi diri dan tidak memilih bulu dalam bergaul. Tuan Hasan Besut wafat pada tahun 1280/1863 dan jenazahnya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Palembang, Besut. Walaupun tidak meninggalkan anak, namun jasa Tuan Hasan Besut tetap kekal dengan meninggalkan karya-karya bermanfaat dan para pelajar yang kemudiannya meneruskan usaha mendidik masyarakat melalui sistem pondok seperti Tuan Guru Haji Husin Kampung Lapu dan Haji Said Kampung Lama.

KARYA HIDAYAT AL-MUKHTAR

Hidayat al-Mukhtar atau nama penuhnya *هداية المختار في فضل طلب العلم وفضل صاحبه من كلام سيد الأختيار* merupakan sebuah karya yang penting dunia Melayu dalam bidang Hadis. Sebilangan pengkaji seperti Ahmad Fathy dianggap telah terkeliru apabila menyatakan secara eksplisi bahawa karya ini adalah karya terjemahan Hadis 40 yang dihimpun oleh al-Imam al-Nawawi. (Ahmad Fathy 2002: 252) Hakikatnya, karya ini, seperti yang dinyatakan secara jelas oleh pengarangnya, merupakan karya terjemahan Hadis 40 yang dikumpul oleh al-Hafiz °Abd al-°Azim al-Mundhiri. (Wan Hasan al-Fatani t.th.: 2)

al-Hafiz al-Mundhiri merupakan seorang ulama Hadis yang disegani di Mesir pada abad ke 7 hijrah/13 masihi. (Al-Dhahabi 1996, jil. 23: 321) Beliau mempelajari ilmu al-Qira’at dari al-Artahi, mempelajari ilmu Fiqh dari Abu al-Qasim °Abd al-Rahman al-Qurashi, mempelajari ilmu Bahasa dan Sastera dari °Ali Abu al-Husayn ibn Yahya al-Nahwi dan melazimi serta meriwayatkan Hadis dari ulama yang sangat ramai. Sebilangan besar mereka telah disenaraikan oleh al-Dhahabi dan al-Safadi dalam kitab *al-Siyar* dan *al-Wafi* (al-Dhahabi 1996, jil. 23: 321; al-Safadi 2000, jil. 19: 11) Kerana penghormatan ulama Mesir kepadanya, al-Hafiz al-Mundhiri, yang juga dikenali sebagai Zaki al-Din, telah dilantik sebagai pemimpin ulama Dar al-Hadith al-Kamiliyyah di Keherah selama kira-kira 20 tahun. Kesimpulannya, al-Hafiz al-Mundhiri merupakan ulama Hadis yang sangat dihormati oleh ulama zamannya. Al-Dhahabi telah meriwayatkan pelbagai riwayat yang menjadi bukti penghormatan yang diterima beliau seperti riwayat al-Hafiz °Izz al-Din al-

Husayni dan al-Dimyati. Berkata al-Sharif ^oIzz al-Din dalam salah satu ucapannya: “كان شيخنا زكي الدين عالما بصحيح الحديث وسقيمه، ومعلوله وطرقه، متبحرا في معرفة أحكامه ومعانيه ومشكله، قيما بمعرفة غريبه (al-Dhahabi 1996, jil. 23: 322).”

Hadis 40 yang dihimpunkan oleh al-Hafiz al-Mundhiri berkenaan kelebihan menuntut ilmu ini sebuah karya beliau yang tidak diketahui kewujudannya melainkan menerusi terjemahan Tuan Hasan Besut. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kitab-kitab Tarajim seperti *al-Siyar*, *al-Wafi*, *Diwan al-Islam* dan *al-A^olam*, pengkaji mendapati pelbagai judul manuskrip yang telah dihasilkan oleh al-Hafiz al-Mundhiri seperti *al-Tarhib wa al-Tarhib*, *Sharh al-Tanbih*, *Mukhtasar Muslim* dan *Abi Daud*, namun tidak didapati sebarang pernyataan mengenai karya ini, kecuali apa yang nyatakan oleh al-Zirikli bahawa beliau mempunyai karya Hadis 40 (al-Zirikli 2002, jil. 4: 30) Tetapi pernyataan umum sebegini sebenarnya mengelirukan kerana selain karya Hadis 40 mengenai kelebihan menuntut ilmu, al-Hafiz al-Mundhiri juga mempunyai Hadis 40 mengenai perbuatan baik (اصطناع المعروف). Sehubungan itu bagi mendapatkan lebih kepastian, pengkaji telah menyemak lebih 30 katalog digital Manuskrip Islam dari seluruh dunia. Datanya adalah seperti berikut:

Jadual 1: Katalog-katalog digital yang dirujuk

No.	Nama Perpustakaan	Lokasi	No.	Nama Perpustakaan	Lokasi
1.	al-Haram al-Makki	Mekah	16.	Perpustakaan El Escorial	Madrid
2.	al-Malik ^o Abd al- ^o Aziz	Riyad	17.	Dar al-Kutub al-Qatariyyah	Qatar
3.	Makkah al-Mukarramah	Mekah	18.	Perpustakaan Chester Beatty	Dublin
4.	Jami ^o ^o Unayzah	^o Unayzah	19.	Al-Zahiriyyah	Damsyik
5.	Al-Maktabah al-Salihiyyah	^o Unayzah	20.	Maktabat al-Ahqaf	Yaman
6.	al-Ifta' al-Su ^o udiyah	Riyad	21.	Repositori Wizarat al-Awqaf al-Kuwaytiyyah	Kuwait
7.	al-Jami ^o ah al-Islamiyyah	Madinah	22.	Repositori Markaz Najibawayh	Sarajevo
8.	Jami ^o at al-Malik Su ^o ud	Riyad	23.	Gazi Husrev-beg	Sarajevo
9.	al-Masjid al-Nabawi	Madinah	24.	Universiti Leipzig	Leipzig
10.	Muhammad ibn ^o Abd Allah Al ^o Abd al-Qadir	Al-Ahsa'	25.	Universiti Albert Ludwigs	Freiburg im Breisgau
11.	Al-Azhariyyah	Kaherah	26.	Universiti Tokyo	Tokyo
12.	Dar al-Kutub al-Misriyyah	Kaherah	27.	American University	Beirut
13.	Masjid Al-Sayyidah Zaynab	Kaherah	28.	Universiti Princeton	New Jersey
14.	Al-Taymuriyyah	Kaherah	29.	Repositori al-Shaykh Hamdi al-Salafi	Kurdistan, Iraq
15.	Baladiyyat al-Iskandariyyah	Iskandariah	30.	Al-Maktabat al-Qasimiyyah	Sind

Walau bagaimanapun, pencarian ini tidak menemukan manuskrip karya Hadis 40 mengenai kelebihan menuntut ilmu yang ditulis oleh al-Hafiz al-Mundhiri. Berdasarkan data ini, pengkaji menyimpulkan bahawa karya tersebut merupakan salah sebuah karya Islam yang hilang (مفقود) dan hasil terjemahan Tuan Hasan Besut merupakan satu-satunya jalan yang mampu memberi kita informasi berkenaan karya al-Hafiz al-Mundhiri berkenaan. Sehubungan itu, dapat dibuktikan bahawa ia merupakan karya nadir yang sangat penting dalam bidang pengajian Hadis.

Wan Mohd Shaghir menjelaskan bahawa karya *Hidayat al-Mukhtar* telah dicetak beberapa kali, iaitu dibahagian akhir kitab تاج الملوك (t.th.) dan dibahagian margin kitab بديع السماوات والأرض oleh Syekh Nuruddin al-Raniri (1309H/1892M). Pada tahun 2003, Khazanah Fathaniyah, Kuala

Lumpur telah mengulang cetak (fotokopi) sebuah cetakan tunggal karya *Hidayat al-Mukhtar*. Cetakan ini dianggap sebagai cetakan paling penting kerana ia merupakan cetakan pertama bertarikh 7 Jamadil Awal 1249H/28 September 1883M (kira-kira 4 bulan setelah karya diselesaikan oleh Tuan Hasan Besut pada 6 Muharam 1249H/25 Mei 1833M). Percetakannya dilakukan berpandukan sebuah naskhah manuskrip milik Abdul Aziz bin Ismail bin Lebai Jamaluddin al-Kalantani. Walau bagaimanapun, cetakan ini mempunyai banyak kesalahan bahasa dan penyalinan, disamping tidak diketahui syarikat percetakan yang bertanggungjawab mencetaknya. Manuskrip asal (tulisan tangan Tuan Hasan Besut) tidak ditemui hingga hari ini, walau bagaimanapun berdasarkan satu maklumat tidak rasmi yang diperolehi pengkaji, manuskrip asli (tulisan tangan pengarang) bagi karya *Hidayat al-Mukhtar* tersimpan di *Beyazit State Library* di Istanbul dengan kod 892. Tetapi sehingga hari ini, pengkaji tidak berjaya mendapatkan sebarang maklumat mengenai manuskrip berkod 892 kerana pihak perpustakaan Beyazit State tidak menyediakan sebarang katalog digital.

HASIL PENYELENGGARAAN TEKS

Berikut merupakan teks karya *Hidayat al-Mukhtar* berdasarkan edisi cetakan pertama yang bertarikh 7 Jamadil Awal 1249H/28 September 1883M (fotokopi terbitan Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur). Memandangkan saiz karya terlalu besar untuk dimuatkan dalam artikel ini, dan penerbitan penuh teks telah dipersetujui untuk dibuat di Khazanah Fathaniyah, maka pengkaji hanya akan memaparkan sebahagian kecil teks karya, iaitu bahagian *doxology* (muqaddimah), 5/40 kandungan hadis dan *colophon*). Metode yang digunakan adalah metode Transliterasi *Gaya UKM*, tetapi tidak menggunakan font *Fūrāteḥ*. Teks yang ditambah oleh pengkaji pada teks karya diletakkan antara dua Kurungan Siku [], sedang ulasan dan kritikan teks pula diletakkan pada bahagian footnote bagi memudahkan rujukan.

Sabda Nabi *salla Allahu ʿalayhi wa sallam*

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ أَوْ عِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ

Terjemah Hadis Arbaʿin

Inilah kitab yang bernamakan dia ‘*Hidayat al-Mukhtar*’ ertinya dan aku namai akan dia pertunjukan Tuhan yang *Mukhtar*, menterjemahkan daripada Hadis Arbaʿin, pada menyatakan kelebihan men[un]jut ilmu dan kelebihan empunya yakni orang yang menanggungnya daripada perkataan penghulu bagi segala orang pilihannya yakni Nabi *salla Allahu ʿalayhi wa sallam* dari pada menterjemahkan ini oleh faqir Tuan Haji Wan Hasan ibn Tuan Syeikh Ishaq Fatani *nafaʿana Allah taʿala, Amin*. (1 a)

[Muqaddimah]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang amat pemurah akan segala hambanya yang mu'min dan yang kafir di dalam negeri Dunia ini, lagi yang amat mengasihani bagi segala hambanya yang mu'min di dalam negeri Akhirat, aku memulai risalah ini

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَسْبَغَ عَلَيْنَا نِعْمَهُ الْجِسَامِ،

ertinya bermula segala puji-pujian itu bagi Allah, Tuhan yang mengurniai ia atas kami akan beberapa nikmat-Nya yang besar-besar.

وَوَقَّفَنَا بِاتِّبَاعِ¹ صَاحِبِ الْإِجْلَالِ وَالْإِكْرَامِ،

ertinya dan telah memberi *tawfiq* ia akan kita dengan mengikut nabi-Nya yang mengu[r]niai kebesaran dan kemuliaan.

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ الَّذِي أُوتِيَ بِجَوَامِعِ الْكَلِمِ² وَبَدَأَ الْأَحْكَامِ،

ertinya dan bermula rahmat Allah dan selamanya atas yang didatangkan dengan *jawami^c al-kalim* dan dengan segala yang indah-indah dari pada hukum

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْمُفْضَلِينَ عَلَى غَيْرِهِمْ مِنَ الْأَنَامِ،

ertinya iaitu penghulu kita Muhammad dan atas segala keluarganya dan segala sahabatnya yang dilebihkan akan mereka itu atas yang lainnya dari segala manusia.

وَبَعْدُ، فَلَمَّا وَقَفْتُ عَلَى الْأَرْبَعِينَ حَدِيثًا فِي فَضْلِ الْعِلْمِ الشَّرِيفِ، الَّذِي هُوَ عِمَادُ الدِّينِ الْمُئِنِّيفِ،

ertinya dan adapun kemudian dari pada itu maka tatkala berhenti aku ertinya tatkala menthal'ah atas empat puluh hadis pada menyatakan kelebihan ilmu yang mulia yang ialah tiang agama yang amat tinggi

جَمَعَهَا الْعَالِمُ الْعَلَامَةُ الْحَافِظُ عَبْدُ الْعَظِيمِ الْمُنْذِرِيُّ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَأَرْضَاهُ،

ertinya meng[h]impunkan akan dia oleh yang *alim* lagi *allamah* lagi yang hafiz *Abd al-^cAzim al-Munziri* رضي الله عنه وأرضاه telah redha Allah *ta'ala* daripadanya dan meredhai akan dia.

خَطَرَ [بِ]ذَهْنِي الْقَاتِرِ،³ وَفَهَمِي الْقَاصِرِ، أَنْ أُتْرَجِمَهَا بِلِسَانِ الْجَاوِيِّ،

¹ Pada teks asal terdapat tambahan perkataan نية yang mungkin merupakan *tahrif* (typo) bagi perkataan سنة. Namun tidak didapati sebarang terjemahan bagi perkataan tersebut pada teks terjemahan.

² Begini teks asal dengan tambahan *harf al-Jarr* (الباء) pada perkataan جوامع, namun kaedah bahasa Arab yang tepat adalah tanpa *harf* kerana perbuatan أُوتِيَ bersifat *muta^caddi* dengan sendirinya, yakni tanpa *harf al-Jarr* seperti yang didapati pada firman Allah s.a.w. (فَمَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ) [al-Isra': 71] dan (أُوْتِيَ مِثْلَ مَا أُوتِيَ مُوسَى) [al-Qasas: 48]

³ Dalam teks asal ذهني tanpa *harf al-Jarr*, tetapi gaya bahasa Arab menentukan harus diletakkan *harf al-Jarr* به atau atau عليه, kerana خطر tidak bermuta^caddi kecuali dengan salah satu dari ketiga-tiga *harf al-Jarr* tersebut. (al-Mu'jam al-Wasit: 243)

ertinya tatkala terhentilah aku atas yang tersebut ayat, terlintaslah oleh *zihnku* yang lemah⁴ dan fahamanku yang pendek bahawa aku hendak terjemahkan akan dia dengan bahasa Jawi

مَعَ اعْتِرَافِي بِقِلَّةِ عِلْمِي وَمُدْرِكِي، وَكَثْرَةِ الْمَسَاوِي،

ertinya serta mengakulah aku dengan sedikit ilmuku dan pendapatanku dan dengan banyakkah kesalahan ku

تَفَاؤُلًا بِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ: إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ (1 b) عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ، صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ، أَوْ عِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ.

ertinya kerana mengambil sempena dengan sabda Nabi *salla Allah 'alayhi wa ala alihi wa shahbihi wa sallam*: “Apabila matilah anak Adam nescaya putuslah amalannya melainkan daripada tiga perkara, pertamanya sedekah yang berlaku ia, ertinya berbuat waqaf yang berpanjangan ia, keduanya ilmu yang diambil manfaat dengan dia, ketiganya anak yang salih yang mendoakan baginya”.

فَرَبَّمَا طَلَبَ مِنِّي بَعْضُ الْأَحِبَّةِ الْمُتَرَدِّدُ إِلَيَّ بِذَلِكَ وَالْحَيِّي عَلَيَّ، فَبَادَرْتُ إِلَى إِسْعَافِهِ عَلَى ذَلِكَ،

ertinya maka terkadang men[un]tu[t]nya daripada aku oleh setengah daripada segala kekasihku yang pergi datang ia kepada aku dengan demikian itu serta menyungguh-nyungguh akan daku atasnya, maka bersegeralah aku kepada menolongkan atas demikian itu

إِمْتِنَانًا لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الدَّالُّ عَلَى الْحَيْرِ كَفَاعِلِهِ.

ertinya kerana menyenggarakan⁵ bagi kita [sabda]⁶ Nabi *salla Allah 'alayhi wa sallam*: “Bermula orang yang menunjukkan atas kebajikan itu seperti orang yang berbuat dia”.

وَإِنْ لَمْ أَكُنْ فِي هَذَا الْمَنْصِبِ أَهْلًا لِذَلِكَ، تَمَسُّكَ بِقَوْلِ الْقَائِلِ: تَشَبَّهُوا وَإِنْ لَمْ تَكُونُوا مِثْلَهُمْ، فَإِنَّ التَّشْبُهَ بِالْكَرَامِ فَلَا حُجْرَ.

ertinya dan jika tiada daku pada bahagian ini ahli bagi demikian itu sekalipun kerana aku berpegang dengan perkataan orang yang berkata, yakni orang yang bersyair, iaitu: “Menyerupailah kamu jika tiada kamu s[er]upa mereka itu, maka dari kerana bahwasanya menyerupai dengan orang yang mulia itu beroleh kemenangan”.

فَإِنْ وَقَفْتَ أَهْيَهَا النَّاطِرُ فِيهِ عَلَى كَلَامٍ مُسْتَقِيمٍ، فَهُوَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ الْعَظِيمِ،

ertinya maka jika terhenti engkau hai orang yang menilik padanya atas perkataan yang betul, maka iaitu semata-mata kerananya Allah *subhanahu wa ta'ala* yang melengkapinya.

⁴ Pada teks asal, perkataan “lemah” mengalami *tahrif* dan ditulis لوفه.

⁵ Tidak dapat dipastikan apakah maksud perkataan ميغكران pada teks asal, namun maksud perkataan امتثالا dalam konteks ayat di atas adalah “menurut” atau “menyempurnakan”.

⁶ Perkataan ini gugur pada teks asal, dan ia ditambah berdasarkan teks Arab.

وَأَنْ عَثَرْتَ فِيهِ عَلَى شَيْءٍ غَيْرِ سَلِيمٍ، فَانْسِبْهُ إِلَى فَهْمِي السَّقِيمِ، وَأَصْلِحْهُ بِحُسْنِ خُلُقِكَ الْكَرِيمِ، فَإِنَّ الْإِنْسَانَ مَحَلُّ الْخَطَا وَالنِّسْيَانِ،

ertinya dan jika engkau dapat padanya atas sesuatu yang tiada sejahtera ia maka bangsakan olehmu kepada fahamku yang sakit ia faham itu dan baiki olehmu akan dia dengan keelokan perangai engkau yang mulia, maka dari kerana bahawasanya manusia itu tempat tersalah dan tempat kelupaan.

وَسَمِّيْتُهُ بِـ"هُدَايَةِ الْمُخْتَارِ، فِي فَضْلِ طَلَبِ الْعِلْمِ وَفَضْلِ صَاحِبِهِ مِنْ كَلَامِ سَيِّدِ الْأَخْيَارِ"

ertinya aku namai akan dia Pertunjukan bagi Tuhan yang *Mukhtar* pada menyatakan kelebihan menuntut ilmu dan kelebihan mempunyai yakni orang yang menanggungnya (2 a) daripada perkataan penghulu bagi segala orang yang pilihan yakni Nabi *salla Allah 'alayhi wa sallam*.

وَاللَّهِ أَسْأَلُ أَنْ يُؤَفِّقَنِي بِالصَّوَابِ، وَالْفَوْزِ يَوْمَ الْمآبِ

ertinya dan akan Allah *ta'ala* aku memohonkan bahawa memberi *tawfiq* ia akan daku dengan yang betul dan akan kemenangan pada hari kembali, iaitu hari Kiamat.

وَأَنْ يُنْتَفَعَ بِهِ كَمَا يُنْتَفَعُ بِأَصْلِهِ، إِنَّهُ عَلَى مَا يَشَاءُ قَدِيرٌ، وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ

ertinya dan aku pohonkan kepada-Nya bahawa memberi manfaat ia dengan dia seperti barang yang memberi manfaat dengan asalnya, dari kata bahawasanya Allah *subhanahu wa ta'ala* atas barang yang men[ghk]hendaki amat kuasa dan dengan memperkenankan amat sebenar-benar.

وَهَذَا مَقْصُودِي وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ، وَإِلَيْهِ الْهُدَايَةُ لِأَقْوَمِ طَرِيقِ

ertinya dan bermula itulah maksudku dan dengan Allah pe[r]tolong[an] dan kepadanya pertunjuk bagi yang terlebih betul daripada jalan bermula.

Hadis yang Pertama

Diceritakan daripada 'Abd Allah ibn 'Abbas *radiya Allah 'anhu* telah berkata ia: Telah bersabda Nabi *salla Allah 'alayhi wa sallam*:

مَنْ حَفِظَ عَلَيَّ حَدِيثًا وَاحِدًا كَانَ لَهُ أَجْرُ أَحَدٍ وَسَبْعِينَ نَبِيًّا صِدِّيقًا.

ertinya "Barang siapa menghafazkan atas umatku akan hadis yang satu nescaya ia adalah baginya pahala 71 nabi yang *siddiq*". Ketahui olehmu hai saudaraku dan adalah yang dikehendaki dengan orang yang menghafazkan ayat, orang yang memindahkan dan menyampaikan kepada saudaranya yang muslim dan juga tiada hafaz ia dan tiada mengetahui akan maknanya sekalipun dari kerana dengan dialah hasil mengambil manfaat oleh segala muslimin dengan bersalahan orang yang menghafazkan dan tiada memindahkan kepada mereka itu dan maknanya. Barang siapa memindahkan yakni menyampaikan atas umatku suatu hadis, nescaya adalah baginya pahala 71 nabi yang *siddiq*.

Hadis yang Kedua

Diceritakan daripada *Sayyiduna Bara' ibn 'Azib radiya Allah 'anhu*, telah bersabda Nabi *salla Allah 'alayhi wa sallam*:

مَنْ تَعَلَّمَ حَدِيثَيْنِ يَنْفَعُ بِهِمَا نَفْسَهُ أَوْ يُعَلِّمَهُمَا غَيْرَهُ فَيَنْتَفِعَ بِهِمَا، كَانَ خَيْرًا لَهُ مِنْ عِبَادَةِ سِتِّينَ عَامًا.

ertinya “Barang siapa yang memperlajarkan akan 2 hadis yang memberi manfaat ia dengan keduanya akan dirinya, atau mengajari akan keduanya orang yang lainnya maka mengambil manfaat ia dengan keduanya, nescaya adalah terlebih baik baginya daripada berbuat ibadat 60 tahun”.

Bermula Hadis yang Ketiga

Diceritakan akan daripada Abu Umamah al-Bahili *radiya Allah ‘anhu*, telah berkata ia: Telah bersabda Rasulullah *salla Allah ‘alayhi wa sallam*:

مَنْ عَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ لَا يُرِيدُ (2 b) إِلَّا لِيَتَعَلَّمَ خَيْرًا أَوْ يُعَلِّمَهُ، فَلَهُ أَجْرٌ حَاجٍ تَامَ الْحَجَّةِ.

ertinya “Barang siapa berpagi-pagi ia kepada masjid tiada meng[ke]hendaki ia melainkan kerana mempelajari akan kebajikan, atau mengajari ia akan dia maka baginya itu pahala orang yang haji yang sempurna hajinya”.

Bermula Hadis yang Keempat

Diceritakan daripada Abu Umamah *radiya Allah ‘anhu* berkata ia, telah bersabda Rasulullah *salla Allah ‘alayhi wa sallam*:

إِنَّ لُقْمَانَ قَالَ لِابْنِهِ: يَا بُنَيَّ، عَلَيْكَ بِمُجَالَسَةِ الْعُلَمَاءِ وَاسْتِمَاعِ كَلَامِ الْحُكَمَاءِ، فَإِنَّ اللَّهَ يُحْيِي الْقَلْبَ الْمَيِّتَ بِنُورِ الْعِلْمِ وَالْحِكْمَةِ كَمَا يُحْيِي الْأَرْضَ الْمَيِّتَةَ بِمَاءِ الْمَطَرِ.

ertinya “Bahawasanya Luqman al-Hakim berkata ia bagi anaknya: hai anakku, lazimkan olehmu akan diri engkau dengan sekedudukan bagi segala ulama dan mendengarkan perkataan segala hukama’ bahawasanya Allah *ta’ala* menghidupkan ia akan hati yang mati dengan cahaya ilmu dan hikmah seperti barang yang menghidup ia akan bumi yang mati dengan air hujan”.

Bermula Hadis yang Kelima

Diceritakan daripada Anas ibn Malik *radiya Allah ‘anhu* berkata ia: Telah bersabda Rasulullah *salla Allah ‘alayhi wa sallam*:

إِنَّ مَثَلِ الْعُلَمَاءِ فِي الْأَرْضِ كَمَثَلِ النُّجُومِ يُهْتَدَى بِهَا فِي الظُّلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ، فَإِذَا النُّجُومُ انْطُمِسَتْ يُوشِكُ أَنْ تَضِلَّ الْهُدَاةُ.

ertinya “Bahawasanya seu[m]pama segala ulama pada bumi itu seperti seu[m]pama segala bintang di langit beroleh pertunjuklah dengan dia pada segala kelam darat dan laut, maka apabila segala bintang itu terhempas ia, yakni hilang ia, hampirlah bahawa sesat oleh segala orang yang menunjuk itu”.

[Sekadar ini teks *doxology* dan kandungan hadis yang dipaparkan sebagai contoh...

Manakala teks penutup dan *colophon*...]

Inilah akhir hadis yang empat puluh tamat بِخَيْرٍ اللَّهُ تَمَامَهَا بِخَيْرٍ. Ini suatu *tatimmah* yakni suatu kesempurnaan kami pohonkan akan Allah *subhanahu wa ta’ala* akan sempurnaa[a]nnya dengan kebajikan. Ketahui oleh mu hai saudaraku bahawasanya sekalian hadis yang datang pada

menyatakan kelebihan ilmu dan kelebihan orang yang alim itu jika ia menuntut ilmu itu kerana *wajh*⁷ Allah *ta'ala* serta mengamali ia akan barang yang ia ketahuinya. Dan jikalau satu *'usyur*⁸ sekalipun seperti berkata *sahib al-Zubad rahimahu Allah ta'ala*:

فَاعْمَلْ وَلَوْ بِالْعُسْرِ كَالرَّكَاءِ تَخْرُجُ بِنُورِ الْعِلْمِ مِنْ ظُلُمَاتٍ

ertinya “Maka amal oleh mu dan jikalau dengan satu *'usyur* sekalipun seperti zakat, nescaya keluarlah engkau dengan cahaya ilmu itu daripada segala kelam jahil” tiada kerana *riya'* dan *sum'ah* dan tiada pula kerana suatu *gharad* daripada *gharad* di dunia, baharulah mencapai ia akan *fadhilah* ini dan masuklah di dalam kepujian itu. Adapun jika ia menuntut kerana dipuji orang yang akan dia atau kerana *riya'* dan *sum'ah* atau kerana membantahi akan orang atau kerana bermegah-megah ia setengah atas setengahnya atau kerana suatu *gharad* daripada *gharad* dunia seperti hendak tipu-daya dengan dia akan itu⁹ segala manusia atau kerana menambahi pangkat dan darjat pada raja-raja dan orang yang besar-besar, atau tiada ia mengamalkan barang yang ia ketahui dan jikalau satu *'usyur* sekalipun, maka adalah menuntut ilmu seperti yang tersebut itu tiada ada bahayanya melainkan atasnya dan tiada ada faedahnya melainkan pada dunia juga, seperti firman Allah *ta'ala*:

﴿مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ﴾

ertinya “Barang siapa adalah ia menghendaki perha'an¹⁰ dunia nescaya kami datangkan akan dia daripada dunia [dan] tiadalah baginya di dalam akhirat daripada bahagian, dan sabda Nabi *shalla Allah 'alayhi wa sallam*:

مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ لِيُبَاهِيَ بِهِ الْعُلَمَاءَ، أَوْ لِيُمَارِيَ بِهِ السُّفَهَاءَ [8 a] أَوْ لِيَصْرِفَ بِهِ وُجُوهَ النَّاسِ إِلَيْهِ فَهُوَ فِي النَّارِ.

ertinya “Barang siapa menuntut akan ilmu kerana memegah-megah dengan dia akan segala ulama atau kerana membembantahi dengan dia akan segala orang yang *safih*¹¹ atau kerana hendak mengalihkan dengan dia akan segala muka manusia kepadanya, maka ia itu di dalam neraka dan pada satu riwayat di masukkan dia oleh Allah *ta'ala* di dalam neraka jahannam”, dan lagi sabdanya:

إِنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَالِمٌ لَا يَنْفَعُهُ اللَّهُ بِهِ بَعْلَمِهِ.

⁷ Perkataan ini secara literalnya bermaksud “wajah” iaitu muka, namun kerana ia dinisbahkan kepada Allah yang kita imani sebagai (لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ) [al-Shura: 11], maka sebilangan ulama mentafsirkannya secara *majazi* (kiasan) dengan makna “reda”.

⁸ Bermaksud 1/10.

⁹ Perkataan “itu” pada teks asal mengalami *tahrif* kerana ditulis اوت.

¹⁰ Perkataan “perha'an” pada teks asal ini tidak diketahui maknanya, namun maksud perkataan Arab حرت adalah “tanaman” yang memberi makna ‘pahala’ secara *isti'arah* (kiasan).

¹¹ *Safih* merupakan perkataan pinjaman dari Bahasa Arab (سفيه) yang bermaksud orang *jahil*.

menghidangkan informasi-informasi keimanan yang dinisbahkan kepada junjungan kita, Nabi Muhammad s.a.w, karya ini juga mengandungi ilmu pendidikan dan psikologi yang tinggi nilainya di mata para pendidik bangsa. Bagi mencapai objektif ini, pengkaji melihat hubungan erat yang signifikan antara ketiga-tiga karya Tuan Hasan Besut dalam membentuk suatu gagasan teori pendidikan dan psikologi milik beliau sendiri. Hal ini menjelaskan persoalan kenapa beliau begitu dihormati sebagai seorang pendidik ulung, “guru pertama” masyarakat Besut di zamannya.

RUJUKAN

Ahmad Fathy al-Fatani. 2002. *Ulama Besar dari Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Amer Hudhaifah Hamzah. 2016. *Kitab al-Risalah al-Fataniyyah fi al-Nahw: Tahqiq dan Analisis Kandungan*. Tesis M. Phil. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Amer Hudhaifah Hamzah. 2017. *قضايا المخطوطات الملايوية: أطروحة فكرية واقتراح. Prosiding Seminar Antarabangsa Penyelidikan Alam Melayu 2017*, hlm. 321-339.

Abd al-Salam Harun. 1998. *تحقيق النصوص ونشرها*. Cet. 7. Kaherah: Maktabat al-Khanji.

Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad ibn Ahmad. 1996. *سير أعلام النبلاء*. Tahqiq Bashshar Awwad Ma'arif & Muhyi al-Din Hilal al-Sarhan. Cet. 11. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.

Dzul Haimi Md. Zain & Md. Yusoff Othman. 2007. *Ragam Hias al-Qur'an di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Gotthelf Bergstraesser. 1982. *أصول نقد النصوص ونشر الكتب*. Terj. Muhammad Hamdi al-Bakri. Riyad: Dar al-Mirrikh.

Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan al-Zayyat, Hamid Abd al-Qadir & Muhammad Ali al-Najjar. 2004. *المعجم الوسيط*. Al-Qahirah: Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyah.

Ibrahim Syukri. 2005. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Ekhbar Daud & Farid Mat Zain. 2017. Peranan Ulama dalam Perkembangan Islam di Besut, Terengganu: Satu Pemerhatian Awal. *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT)*, 1(3): 103-114.

Muhammad Abu Bakar. 1991. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Al-Safadi, Salah al-Din Khalil ibn Aybak. 2000. *الوافي بالوفيات*. Tahqiq Ahmad al-Arna'ut & Turki Mustafa. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Salah al-Din al-Munajjid. 1987. *قواعد تحقيق المخطوطات*. Cet. 7. Kaherah: Dar al-Kitab al-Jadid.

Shams al-Din Ibn al-Ghazzi, Abu al-Ma'ali Muhammad ibn 'Abd al-Rahman ibn al-Ghazzi. 1990. *Diwan al-Islam*. Tahqiq Sayyid Kasrawi Hasan. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Siti Hawa Haji Salleh. 1994. Ruang Lingkup Pengajian Filologi Melayu. *Jurnal Filologi Melayu*, jil. 3. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Wan Ali Wan Mamat. 2002. Persiapan untuk Kerja Menulis Manuskrip. Dlm. *Warisan Manuskrip Melayu*, hlm. 24-33. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Wan Hasan al-Fatani. t.th. هداية المختار في فضل طلب العلم وفضل صاحبه من كلام سيد الأخيار. t.tp: t.pt.

Wan Mohd Shaghir. 2000. *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Jil. 13. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkaji Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.